

KERATAN AKHBAR BULAN JUN 2021
BERITA HARIAN

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN JUN 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.06.2021	Bekas Pengerusi LGM Sedia Disiasat SPRM	2
2.	02.06.2021	SPRM Akan Panggil Bekas Pengerusi LGM	3
3.	03.06.2021	Khairuddin Sedia Ambil Tindakan Undang-Undang – Kes LGM	4
4.	06.06.2021	Raja Idris Teraju LGM	5
5.	09.06.2021	Bayaran Khidmat Kerajaan Tanpa Tunai Pada 2022	6
6.	09.06.2021	SPRM Tahan 6 Pegawai, Kakitangan Bank	7
7.	10.06.2021	Enam Pekerja Bank Direman Tujuh Hari	8
8.	16.06.2021	Pegawai SPRM Didakwa Kes Rasuah	9
9.	16.06.2021	Dua Bekas Pegawai Bank Rakyat Mengaku Bersalah-Kes Dokumen Palsu	10
10.	17.06.2021	4 Direman Kes Rasuah RM42 Juta	11
11.	22.06.2021	SPRM Tahan 4 Pemilik Syarikat Kes Rasuah RM10 Juta	12
12.	24.06.2021	Pegawai Kementerian Direman Lima Hari	13
13.	25.06.2021	Dua Direman 4 Hari Kes Tuntutan Palsu	14
14.	25.06.2021	Pengurus Disyaki Terbabit Rasuah Kontrak RM60J	15
15.	30.06.2021	Tiga Pegawai Imigresen Mengaku Salah Terima Rasuah	16

Berita Harian | 1 Jun 2021 | Page 22

Bekas Pengerusi LGM sedia disiasat SPRM



Ahmad Nazlan menunjukkan surat penamatannya sebagai Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM) pada sidang media di Jerantut, semalam.
(Foto Semelan Ab Malek/BH)

Jerantut: Bekas Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM), Datuk Ahmad Nazlan Idris sedia disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu LGM Properties Corporation (LGMPC), iaitu perbadanan milik LGM yang tular di media sosial beberapa hari lalu, termasuk desakan Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok.

Sejak beberapa hari lalu, tular di media sosial yang membangkitkan isu penjualan dan pajakan tanah perdana LGM di bawah harga pasaran, dengan Ahmad Nazlan diminta memberi penjelasan.

Ahli Parlimen Jerantut itu berkata, beliau tampil memberi penjelasan kerana namanya dikaitkan sebagai Pengerusi LGM dalam isu LGMPC terbabit.

"Saya ingin menegaskan, saya tidak lagi menjadi Pengerusi LGM selepas ditamatkan kontrak pada 14 April lalu.

"Dalam isu LGMPC, saya tidak terbabit dan boleh saya sahkan Ahli Lembaga Pengarah LGM

amat mengambil berat serta cakna dengan kegagalan tadbir urus LGMPC," katanya pada sidang media di Pejabat Perkhidmatan Parlimen Jerantut di sini, semalam.

Ahmad Nazlan berkata, satu jawatankuasa ditubuhkan dan tindakan serta langkah penambahbaikan dibuat LGM sebelum ini, namun menteri terbabit campur tangan dan membiarkan LGMPC berjalan seperti biasa.

"Dalam isu sewaan tanah 70 sen sekaki, LGM hanya bersetuju untuk pajakan lima tahun dan ditambah 10 tahun. Namun menteri terbabit mahukan lima +10+10 menjadikan 25 tahun.

"Hasil yang diperolehi LGM selepas 25 tahun melebihi RM1 bilion jika diuruskan dengan cara yang lebih baik, berbanding hasil sewaan cuma RM42 juta kepada syarikat milik rakyat Turki berkenaan," katanya.

Mengenai isu penjualan tanah warisan, beliau berkata, tindakan terakhirnya yang dilakukan

nya menulis surat kepada Jabatan Warisan Negara kerana tanah itu adalah tanah warisan.

"Harus saya tekankan segala tuduhan terhadap diri saya adalah tidak benar dan saya cuba bersama Ahli Lembaga Pengarah (ALP) lain menjalankan tugas dengan penuh integriti.

"Saya mendapat kerjasama penuh daripada ALP LGM dan mereka sangat komited dan bertanggungjawab dalam hal perancangan dan pengurusan," katanya.

Beliau berkata, ALP turut menubuhkan tiga jawatankuasa khas termasuk audit dalaman bagi menbetulkan isu dalaman LGM.

"ALP sangat komited menguruskan dengan baik kira-kira 1.5 bilion aset LGM yang juga harta seramai 450,000 orang pekebun kecil seluruh negara.

"Mengenai isu berbangkit dan tular di media sosial baru-baru ini mengaitkan nama saya, dengan ini saya juga bersama ALP rela disiasat SPRM mengenai perkara itu," katanya.

Berita Harian | 2 Jun 2021 | Page 22

SPRM akan panggil bekas Pengerusi LGM

Pendedahan isu penjualan, pajakan tanah bawah harga pasaran

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil bekas Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM), Datuk Ahmad Nazlan Idris, bagi menjelaskan pendedaannya mengenai isu LGM Properties Corporation (LGMPC).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata siasatan berhubung isu itu sedang dijalankan pegawainya.

"SPRM ada menerima aduan

Bekas Pengerusi LGM sedia disiasat &



Keratan akhbar BH, semalam.

berkaitan isu ini dan sedang menjalankan siasatan.

"SPRM juga akan memanggil bekas pengerusi (LGM) untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada beliau," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, tular di media sosial berkenaan isu penjualan dan pajakan tanah perdana LGM di bawah harga pasaran.

Ahmad Nazlan yang juga Ahli Parlimen Jerantut semalam tampil memberi penjelasan dan menafikan terbit dalam isu berkenaan serta sedia disiasat SPRM.

"Harus saya tekankan segala

tuduhan terhadap diri saya tidak benar dan saya sudah cuba bersama dengan Ahli Lembaga Pengarah yang lain menjalankan tugas dengan penuh integriti.

"Saya mendapat kerjasama sepenuhnya dari Ahli Lembaga Pengarah LGM dan mereka sangat komited dan bertanggungjawab dalam hal perancangan dan pengurusan," menurut kenyataan medianya.

Dalam isu sewaan tanah 70 sen sekaki, Ahmad Nazlan me-

njelaskan, LGM hanya bersetuju untuk pajakan lima tahun dan ditambah 10 tahun, namun Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, mahukan 5 + 10 + 10 menjadikan 25 tahun.

Beliau turut mengesahkan tidak lagi menjadi Pengerusi LGM selepas ditamatkan kontrak pada 14 April lalu dan ditawarkan jawatan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), namun ditolak.



“SPRM ada menerima aduan berkaitan isu ini dan sedang menjalankan siasatan”

Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM

Berita Harian | 3 Jun 2021 | Page 16

Isu Lembaga Getah Malaysia

Khairuddin sedia ambil tindakan undang-undang

Menteri nafi terbahit, letak pertimbangan dosa dan pahala teras tadbir agensi, kementerian

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang secara berterusan mengaitkan dirinya dalam isu membabitkan Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Katanya, integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban berasaskan amanah tadbir urus yang meletakkan pertimbangan dosa dan pahala, menjadi teras pentadbiran kementerian dan agensi di bawahnya.

"Kenyataan media sudah dikeluarkan (pihak LGM) bagi menjawab isu yang dibangkitkan. Laporan polis juga sudah dibuat.

"Tindakan saman kepada

pihak dan individu yang menyebarkan fitnah sedang diuruskan," katanya menerusi Facebook (FB).

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Nerus dalam posting bertajuk malam kelmarin turut menjelaskan, akaun FB yang sedang memfitnah dirinya dalam isu LGM adalah mesra sebahagian pimpinan UMNO.

"Sebahagian pimpinan UMNO pun sedang bersemangat turut menyerang. Namun, ia tidak menghalang saya untuk terus memperkasakan Muafakat Nasional demi kepentingan ummah. Hubungan baik yang terjalin dengan pimpinan UMNO juga tidak terjejas," katanya.

Bekas Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM), Datuk Ahmad Nazlan Idris yang juga Ahli Parlimen Jerantut kelmarin menafikan dirinya terbahit dalam isu LGM Properties Corporation (LGMPC), namun mendakwa wujud campur tangan menteri dalam isu sewaan tanah.

Beliau turut mengesahkan tidak lagi menjadi Pengerusi LGM selepas ditamatkan kontrak pada 14 April lalu dan ditawarkan jawatan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), namun ditolak.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Ma-

laysia (SPRM), Datuk Seri Azam Baki yang dihubungi kelmarin turut memaklumkan siasatan berhubung isu itu sedang dijalankan pihaknya.

"SPRM ada menerima aduan berkaitan isu ini dan sedang menjalankan siasatan. SPRM juga akan memanggil bekas pengerusi (LGM) untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada beliau," katanya.

Sementara itu, LGM dalam kenyataan semalam menjelaskan, perkara dibangkitkan Ahmad Nazlan mengenai dakwaan campur tangan menteri dalam urusan agensi itu dan LGM Properties Corporation (LGMPC) tidak bertepatan dengan kuasa menteri yang termaktub di dalam akta sedia ada.

Menurut LGM, di bawah seksyen 14 Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 (Akta 551), menetapkan lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada menteri dan beliau boleh memberi arahan selaras dengan akta dan lembaga perlu dengan secepatan segera menaungin, melaksanakan arahan sedemikian.

"Pada 3 Disember tahun lalu, LGM menghantar surat kepada menteri untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan akhir bagi keputusan tender itu.

"Bagaimanapun, menteri pada

7 Januari lalu mengarahkan tempoh pajakan dilanjut kepada 15+10 tahun dan dibuka kembali Request For Proposal (RFP) kepada syarikat yang terbahit dengan proses tawaran sebelum ini.

"Namun, hingga sekarang perkara ini masih dalam proses tindakan di peringkat LGM dan LGMPC, serta belum dimuktamadkan," kata kenyataan itu.

LGM menjelaskan, proses pajakan tanah Lot 20013 (sebelum ini dikenali Lot 76) bagi tempoh 10+5 tahun sudah dilaksanakan secara tender terbuka dan telah oleh LGMPC pada Oktober 2020.

Lembaga Perolehan LGM membuat keputusan pada 30 November 2020, bahawa syarikat yang berjaya dalam tender adalah Al Noor Foundation dengan harga bidaan tertinggi RM0.70 sekaki, selaras kadar penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH), Kementerian Kewangan.

"Yayasan itu adalah syarikat berhad menurut jaminan yang tidak berasaskan keuntungan dengan majoriti pemegang sahamnya adalah rakyat Malaysia dan bukan milik rakyat Turki sebagaimana kenyataan bekas Pengerusi LGM.

"Kenyataan bekas Pengerusi LGM bahawa menteri mahu-kan 5+10+10 tahun adalah tidak

Tindakan saman kepada pihak dan individu yang menyebarkan fitnah sedang diuruskan

Mohd Khairuddin Aman Razali,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan
Komoditi



tepat. Selain itu, kenyataan bahawa hasil yang boleh diperolehi oleh LGM selepas 25 tahun melebihi RM1 bilion adalah tidak tepat," katanya.

Mengenai Lot 20012 (sebelum ini Lot 75) katanya, masih tiada cadangan penjualan oleh Lembaga LGM dan belum diangkat kepada kementerian untuk pertimbangan menteri.

"Pada masa ini, LGM masih membuat semakan berkaitan dengan JPPH dan Jabatan Warisan Negara. LGM menegaskan proses untuk membuat keputusan adalah mengikut tatacara terus dan berintegriti membabitkan keputusan Lembaga Pengarah, diikuti ulasan kementerian untuk diangkat sebagai pengesyoran kepada menteri bagi pertimbangan dan kelulusan sebelum dikembalikan kepada Lembaga Pengarah untuk tindakan," kata LGM dalam kenyataan itu.

LGM mengambil berat berhubung maklumat separa matang dan terperingkat milik lembaga yang disebarkan serta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk tindakan undang-undang.

Berita Harian Ahad | 6 Jun 2021 | Page 7

Raja Idris teraju LGM

Lantikan berkuat kuasa 15 April susulan peletakan jawatan Ahmad Nazlan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengerusi TDM Berhad, Datuk Raja Idris Raja Kamaruddin dilantik Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM), berkuat kuasa 15 April lalu.

Lantikan Raja Idris itu dibuat susulan peletakan jawatan Ahli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris, pada 14 April lalu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata mandat utama diberikan kepada Raja Idris ialah menyusun kembali hala tuju har-

tanah dimiliki LGM.

Selain itu, katanya, Raja Idris yang pernah mengetuai Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, perlu menyelesaikan isu berbangkit membabitkan lima fasiliti tergendala di Sungai Buloh, sejak beberapa tahun lalu.

"Beliau juga perlu menyusun pelan strategik baharu LGM dan LGM Properties Corporation (LGMPC) sebagai anak syarikat yang menguruskan hartanah termasuk ladang milik lembaga berkenaan.

"Beliau diharap akan membawa LGM ke mercu tanda pengurusan lebih baik dan profesional, berintegriti serta telus berasaskan konsep tadbir urus Rabbani yang ditekankan kepada semua pengurusan tertinggi kementerian serta agensi di bawahnya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Perkembangan itu menyusul

selepas media melaporkan polemik tanah milik LGM di segi tiga emas Kuala Lumpur.

Ia membabitkan isu sewaan tanah 70 sen sekaki di Lot 20013 (sebelum ini dikenali Lot 76), apabila Ahmad Nazlan dilaporkan menjelaskan, LGM hanya bersetuju

bagi pajakan lima tahun dan ditambah 10 tahun, namun Mohd Khairuddin mahukan 5 + 10 + 10, menjadikan 25 tahun.

Bagaimanapun, Lot 20012 (sebelum ini Lot 75) masih tiada cadangan penjualan oleh LGM, selain belum diangkat kepada kementerian untuk pertimbangan menteri.

Rentetan itu, Ahmad Nazlan baru-baru ini dilaporkan bersedia disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ekoran isu mengenai LGM tular di media sosial, termasuk desakan Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok.



Raja Idris Raja Kamaruddin

Berita Harian | 9 Jun 2021 | Page 8

Bayaran khidmat kerajaan tanpa tunai pada 2022

Keselamatan transaksi lebih tinggi, usaha tangani rasuah dan penipuan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan akan memastikan pembayaran kepada semua perkhidmatan kerajaan dibuat secara tanpa tunai menjelang 2022 dalam usaha menangani rasuah.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz, berkata pembayaran tanpa tunai akan membawa kepada keselamatan transaksi yang lebih tinggi, koordinasi lebih baik, selain menambah baik komunikasi inisiatif antirasuah dan lebih memudahkan perkongsian maklumat.

Beliau berkata, setakat akhir tahun lalu, 60 peratus jumlah kutipan oleh kerajaan menerusi e-pembayaran.

Katanya, kerajaan bekerja tanpa henti untuk memastikan urusan tadbir yang baik, penyampaian perkhidmatan awam lebih cekap dan berkesan di samping menangani kebocoran, penipuan dan rasuah.



Tengku Zafrul ketika menyampaikan ucapatama pada Persidangan Akauntan Antarabangsa Institut Perakaunan Malaysia (MIA) 2021 secara maya, semalam. (Foto ihsan MIA)

"Setakat ini, kerajaan sudah menyegerakan pendigitalan ke dalam banyak perkara termasuk memodenkan penyampaian perkhidmatan dan menangani rasuah yang akan mengurangkan titik pertemuan secara langsung antara orang awam dan pegawai kerajaan.

"Beralih kepada kad pengenalan elektronik dan bukti identiti secara biometrik untuk pengenalan orang awam serta mempercepatkan bantuan kerajaan bagi memastikan keterangkuman, akses, ketelusan dan akauntabiliti.

"Setakat ini, kebanyakan bantuan secara terus diberikan berasaskan tanpa tunai, di mana permohonan dan pembayaran untuk Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Geran Khas Prihatin (GKP) dilakukan secara elektronik dan dalam talian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapatama pada Persidangan Akauntan Antarabangsa Institut Perakaunan Malaysia (MIA) 2021 bertemakan 'Mengemudi Masa Depan Yang Mampan dengan Ketangkasan dan Daya Tahan' secara maya, semalam.

Yang turut hadir, Presiden MIA, Dr Veerinderjeet Singh dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Nurmazilah Mahzan.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul turut merakamkan penghargaan kepada MIA dan profesional perakaunan di atas usaha berterusan menyokong perniagaan terutama sewaktu tempoh mencahar ini.

Katanya, ia termasuk memberi nasihat kepada syarikat mengenai aliran tunai serta pengurusan strategik dan kewangan.

"Mengingatkan syarikat mengenai pelbagai skim bantuan dan bantuan yang disediakan dari pakej rangsangan ekonomi dan bantuan kerajaan, serta menyediakan sumber dan komunikasi COVID-19 yang khusus.

"Memberi kesedaran mengenai impak bantuan dan pakej rangsangan ekonomi ini kepada profesion dan perniagaan perakaunan, terutama mengenai bagaimana mereka harus bertindak balas.

"Yang terakhir, menggunakan alat dan latihan yang membantu perniagaan menjadi lebih produktif dan berkesan," katanya.

Persidangan yang dianjurkan MIA selama tiga hari bermula semalam adalah yang pertama dianjurkan secara maya.

Ia dihadiri lebih 2,200 peserta tempatan dan antarabangsa serta lebih 100 penceramah pakar dari seluruh dunia.

Berita Harian | 9 Jun 2021 | Page 6

SPRM tahan 6 pegawai, kakitangan bank

Disyaki minta,
terima rasuah
daripada pemohon
pinjaman peribadi
babit RM18 juta

Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam pegawai dan kakitangan sebuah bank selepas disyaki meminta dan menerima rasuah daripada pemohon pinjaman peribadi, membabitkan 110 transaksi berjumlah kira-kira RM18 juta.

Semua suspek lelaki berusia antara 36 hingga 45 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Selangor di sini, kira-kira jam 4.45 petang semalam.

Sumber berkata, wang rasuah itu adalah sebagai balasan untuk meluluskan permohonan pembiayaan daripada pemohon yang sebenarnya tidak layak untuk membuat pinjaman.

"Mereka dipercayai telah meminta dan menerima wang suapan antara 15 hingga 35 peratus daripada sejumlah 110 pinjaman pembiayaan peribadi yang ber-

nilai kira-kira RM18 juta," katanya.

Sumber berkata, pegawai dan kakitangan berkenaan bertugas di beberapa cawangan bank itu di sekitar Lembah Klang.

Difahamkan, SPRM juga merampas wang tunai berjumlah kira-kira RM69,000 dan beberapa jam tangan mewah serta telefon bimbit daripada suspek dengan nilai keseluruhan sitaan berjumlah lebih RM100,000.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim, ketika dihubungi, mengesahkan penahanan.

Katanya, semua suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam pagi ini untuk permohonan reman.

“Wang rasuah itu adalah sebagai balasan untuk luluskan permohonan pembiayaan daripada pemohon yang sebenarnya tidak layak untuk membuat pinjaman”

Sumber

Berita Harian | 10 Jun 2021 | Page 16

Enam pekerja bank direman tujuh hari

Tertuduh disyaki minta, terima suapan daripada pemohon pinjaman peribadi

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Enam pegawai dan kakitangan bank direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan dakwaan meminta dan menerima rasuah daripada pemohon pinjaman peribadi antara 2018 hingga 2020.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Raja Noor Adilla Raja Mahyaldin di Mahkamah Majistret Shah Alam, hari ini selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Terdahulu, semua individu berusia 36 hingga 45 tahun itu tiba di pekarangan Mahkamah Shah Alam pada jam 10.55 pagi dengan diiringi pegawai SPRM.

Kelmarin, enam lelaki berkenaan ditahan di Pejabat SPRM Shah Alam sekitar jam 4.45 petang selepas disyaki meminta dan menerima rasuah daripada pemohon pinjaman peribadi membabitkan 110 pembiayaan peribadi bernilai kira-kira RM18 juta.

Menurut sumber, wang rasuah itu adalah sebagai balasan untuk



Enam pegawai dan kakitangan sebuah bank tiba di Mahkamah Shah Alam, semalam.

(Foto Mhd Asyraf Sawal/BH)

meluluskan permohonan pembiayaan daripada pemohon yang sebenarnya tidak layak untuk membuat pinjaman.

"Mereka dipercayai meminta dan menerima wang suapan antara 15 hingga 35 peratus daripada sejumlah 110 pinjaman

pembiayaan peribadi yang bernilai kira-kira RM18 juta," katanya.

Sumber memberitahu, pegawai dan kakitangan berkenaan bertugas di beberapa cawangan bank di sekitar Lembah Klang.

Difahamkan, SPRM juga merampas wang tunai berjumlah kira-kira RM69,000 dan beberapa jam tangan mewah serta telefon bimbit dari rumah suspek di Putrajaya dan Selangor membabitkan nilai keseluruhan sitaan berjumlah lebih RM100,000.

BERITA HARIAN | 16 JUN 2021 | M/S 21

Pegawai SPRM didakwa kes rasuah

Seorang lelaki
turut dituduh
subahat terima
RM100,000

Shah Alam: Seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan seorang lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan rasuah berjumlah RM100,000, April lalu.

Shahrul Izuan Mohd Zain, 41, dan Teoh Peng Sin, 55, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan masing-masing di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Bagi pertuduhan utama, Shahrul Izuan yang bertugas di SPRM Putrajaya didakwa bersubahat dengan Peng Sin menerima rasuah wang tunai RM100,000 daripada Tan Chee Sheng, 34, sebagai dorongan untuk tidak melakukan siasatan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 oleh SPRM terhadap Chee Sheng.

Shahrul Izuan juga didakwa

atas pertuduhan pilihan iaitu dengan curangnya menipu dengan memperdaya individu sama kononnya membantu untuk tidak melakukan siasatan bagi kesalahan pengubahan wang haram oleh SPRM kepada Chee Sheng sehingga dia menyerahkan wang tunai RM100,000 yang kesalahan itu dilakukan hasil subahat Shahrul Izuan.

Peng Sin yang bekerja sendiri di Johor Bahru, Johor pula menghadapi pertuduhan menerima suapan wang tunai RM100,000 daripada Chee Sheng sebagai dorongan untuk tidak melakukan siasatan bagi kesalahan sama oleh SPRM terhadap Chee Sheng.

Peng Sin juga didakwa atas pertuduhan pilihan dengan curangnya menipu dengan memperdaya Chee Sheng kononnya membantu untuk tidak melakukan siasatan bagi kesalahan sama oleh SPRM sehingga mendorongnya menyerahkan wang tunai RM100,000.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah kedai kopi di sebuah pusat beli-belah di Sepang pada 14 April.

Bagi pertuduhan utama, Shahrul Izuan didakwa mengikut Seksyen 28(1) (c) dibaca bersama



Shahrul Izuan bersama Peng Sin didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. (Foto Ihsan SPRM)

Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009 dan Peng Sin mengikut Seksyen 16 (a) (A) dan mereka boleh dihukum bawah Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan itu dapat dinilai atau RM10,000 mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pertuduhan pilihan pula, Shahrul Izuan dituduh mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksan dan dibaca bersama Seksyen 417 kanun sama, manakala Peng Sin didakwa di bawah Seksyen 417, yang jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan hingga lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah menetapkan jami-

nan RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap setiap tertuduh dan mengarahkan Shahrul Izuan dan Peng Sin melapor diri setiap bulan di pejabat SPRM terdekat dan menetapkan 28 Julai untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Fadhlil Ab Wahab manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Datuk Hanif Hassan.

Sementara itu, SPRM dalam kenyataan berasingan menegaskan tidak akan berkompromi dengan kegiatan salah laku, jenayah atau apa-apa pelanggaran undang-undang oleh pegawainya dan akan mengambil tindakan tegas sekiranya mereka melakukan perkara berkenaan.

BERNAMA

Berita Harian | 16 June
2021 | Page 21

Guna dokumen palsu

Dua bekas pegawai Bank Rakyat mengaku bersalah

Kota Kinabalu: Dua bekas Pegawai Pemasaran (BR-Smart) Bank Rakyat mengaku bersalah di Mahkamah Khas Rasuah, Kota Kinabalu, semalam, atas tiga pertuduhan menggunakan dokumen palsu untuk meluluskan pinjaman peribadi seorang individu lima tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Hazrie Nor Ghazali, 30, dan Ridhwan Almad, 31, didenda RM10,500 atau empat bulan penjara oleh Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, pertama dan kedua, kedua-dua tertuduh pada Julai hingga September 2016 bertempat di Bank Rakyat cawangan Kota Kinabalu dengan niat bersama dengan curangnya menggunakan suatu dokumen palsu sebagai tulen iaitu penyata Maybank bertarikh 31 Mac dan 30 Jun 2016 atas nama Azneza Atiqah Mudi untuk digunakan sebagai dokumen sokongan bagi meluluskan pinjaman peribadi penama yang mana diketahui bahawa dokumen itu adalah palsu.

Pertuduhan ketiga, kedua-dua tertuduh antara Julai hingga September 2016 bertempat di Bank Rakyat cawangan Kota Kinabalu dengan niat bersama dengan curangnya menggunakan suatu dokumen palsu sebagai tulen iaitu penyata pendapatan Toze Plus atas nama Azneza Atiqah Mudi untuk digunakan sebagai dokumen sokongan bagi meluluskan pinjaman peribadi penama yang mana diketahui bahawa dokumen itu adalah palsu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksanan dan boleh dihukum di mengikut Seksyen 465 yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Kedua-dua tertuduh diwakili peguam PJ Perira, manakala pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rekhranj Singh dan Nartiah Sambatan.

Di **Shah Alam**, seorang lagi kakitangan bank direman tujuh hari bermula semalam, bagi membantu siasatan dakwaan menerima dan menerima rasuah daripada pemohon pinjaman peribadi, pada 2018 hingga 2020.

Pertintah reman sehingga Isnin ini dikeluarkan Majistret Parvin Hameedah Natchiar di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam, selepas permohonan SPRM.

Lelaki berusia 35 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Selangor pada jam 4.05 petang kelmarin, selepas diminta hadir memberi keterangan kes terbabit.

Berita Harian | 17 June 2021 | Page 1, 21

4 direman kes rasuah RM42 juta

Suspek ditahan bantu siasatan tender pembekalan agensi penguat kuasa

Oleh Samadi Samad
hnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman empat individu, termasuk seorang penjawat awam yang bertugas di sebuah kementerian, bagi membantu siasatan berhubung isu tender pembekalan sebuah agensi penguat kuasa, bernilai RM42 juta.

Semua suspek berusia antara 32 hingga 61 tahun itu, termasuk seorang berjawatan Penolong Setiausaha Bahagian di sebuah

kementerian, direman selama enam hari bermula semalam. Permohonan reman itu dibenarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim selepas SPRM membuat permohonan berkenaan di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Difahamkan, mereka ditahan kira-kira jam 10 malam kelmarin di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Menurut sumber, suspek dipercayai meminta dan membayar rasuah sebanyak lima peratus daripada nilai projek berdasarkan tuntutan kemajuan bagi memperoleh tender perkhidmatan membekal, memproses, mencetak dan mengespos saman sebuah agensi penguat kuasa yang bernilai RM42 juta.

Semua disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, dalam kes berasingan di mahkamah sama, seorang ahli perniagaan direman lima hari, bermula hari ini, dipercayai terlibat dalam pe-



Penjawat awam antara individu dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

ngubahan wang haram.

Suspek berusia 43 tahun itu ditahan jam 5.20 petang semalam di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Lelaki berkenaan dipercayai

memperoleh wang menerusi penjualan kereta Ferrari bernilai hampir RM1 juta bukan miliknya bagi membeli sebuah kereta Lamborghini bernilai RM1.8 juta untuk dirinya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLA) 2001.

Berita Harian | 22 Jun 2021 | Page 1,17



**SPRM tahan empat
pemilik syarikat
kejuruteraan marin
didakwa beri rasuah
untuk dapat projek
kerajaan RM10 juta**

Nasional 17

SPRM tahan 4 pemilik syarikat kes rasuah RM10 juta

**Suspek disyaki
beri suapan projek
berkaitan marin
sejak 2018**

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat pemilik syarikat kejuruteraan marin berhubung kes memberi rasuah bagi mendapatkan projek sebuah agensi penguatkuasaan dianggarkan bernilai RM10 juta.

Sumber berkata, suspek membabitkan dua lelaki dan dua wanita itu berusia antara 40 hingga 71 tahun ditahan di ibu pejabat

SPRM Putrajaya antara jam 9 hingga 10 malam kelmarin selepas hadir memberi keterangan.

Katanya, mereka dipercayai memberi rasuah kepada pegawai agensi penguatkuasaan sebagai balasan membantu syarikat terbabit mendapatkan kerja pembekalan, perkhidmatan dan penyelenggaraan berkaitan marin bermula 2018 hingga tahun ini.

"Dua suspek masing-masing seorang lelaki dan wanita direman selama empat hari bermula hari ini hingga 24 Jun ini, manakala dua lagi direman dua hari hingga esok.

"Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya selepas SPRM membuat permohonan berkenaan pagi tadi," katanya pada *BH*, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



Empat pemilik syarikat kejuruteraan marin direman selama empat dan dua hari bagi membantu siasatan rasuah RM10 juta dapatkan projek.

Berita Harian | 24 Jun 2021 | Page 17

Kes rasuah RM1 juta

Pegawai kementerian direman lima hari

**SPRM tahan
suspek selepas
hadir beri
keterangan**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seorang penolong setiausaha bahagian sebuah kementerian direman lima hari

bermula semalam bagi membantu siasatan menerima rasuah dalam pelbagai bentuk dianggarkan bernilai RM1 juta.

Perintah reman sehingga 27 Jun itu dikeluarkan oleh Majistret Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya, selepas mendengar permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pagi semalam.

Sumber berkata, suspek lelaki berusia 46 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM kira-kira jam 9 malam kelmarin selepas



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan SPRM)

hadir memberikan keterangan.

Difahamkan, antara 2016 hingga kini, suspek menerima suapan berbentuk wang tunai kira-kira RM300,000, barang kemas, tanah lot berkeluasan 0.8 hektar, rumah kedai dua tingkat dan sebuah motosikal.

"Semua itu diperolehi sebagai

balasan membantu 11 syarikat mendapatkan projek bekalan am, perkhidmatan dan pengangkutan di kementerian terbabit," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Di Langkawi, SPRM menahan seorang guru lelaki sebuah

sekolah menengah di sini, kerana disyaki menyalah guna kuasa bagi pembekalan alat ganti automotif.

Suspek berusia 43 tahun yang juga Ketua Panitia Mata Pelajaran Vokasional (MPV) ditahan di Pejabat SPRM Sungai Petani, jam 11.40 pagi semalam.

Berita Harian | 25 Jun 2021 | Page 19



Dua individu direman empat hari bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu bekalkan anak pokok durian Musang King.
(Foto Nadim Bokhari/BH)

Dua direman 4 hari kes tuntutan palsu

**SPRM siasat
urusan bekal anak
pokok durian
Musang King
hampir RM1j**

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Dua individu direman empat hari sehingga Isnin ini bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu membekalkan anak pokok durian Musang King bernilai hampir RM1 juta.

Majistret Zaiton Anuar mengeluarkan perintah itu selepas menerima permohonan pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semalam.

Suspek pertama berusia 57 adalah pengurus projek bagi sebuah syarikat nurseri yang membekal anak pokok durian berkenaan, manakala seorang lagi suspek bertugas sebagai penolong pegawai sebuah agensi kerajaan berusia 46 tahun yang bertindak meluluskan tuntutan itu.

Pengurus projek terbabit diwakili peguam Andy Tan, manakala penolong pegawai agensi kerajaan tidak diwakili peguam.

Kedua-dua suspek ditahan SPRM di sini selepas mereka di-

panggil memberi keterangan berhubung kes itu, kelmarin.

Sumber berkata, berdasarkan maklumat yang diterima, sebuah syarikat nurseri disyaki membuat tuntutan palsu kepada Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak (SLDB) pada Disember 2019.

Tuntutan itu adalah bagi perkhidmatan membekal dan menghantar sebanyak 28,805 anak pokok Musang King ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lambir bernilai RM999,973.50.

Bagaimanapun, perkhidmatan itu tidak dilaksanakan sepenuhnya walaupun pembayaran tuntutan sudah dibuat.

Siasatan terhadap kedua-dua suspek dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Berita Harian | 25 Jun 2021 | Page 19

Pengurus disyaki terbabit rasuah kontrak RM60j

Putrajaya: Seorang pengurus syarikat direman empat hari mulai semalam kerana disyaki terbabit dalam kegiatan rasuah bagi mendapatkan kontrak bernilai RM60 juta di sebuah kementerian.

Perintah reman sehingga 27 Jun itu dikeluarkan Penolong Pendaftar, Roslizawati Mohd Zanin di Mahkamah Majistret Putrajaya selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) membuat permohonan berkenaan, semalam.

Sumber berkata, suspek lelaki berusia 43 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM kira-kira jam 12 tengah malam kelmarin ketika hadir memberikan keterangan.

"Suspek dipercayai bersekongkol dengan seorang penolong setiausaha bahagian sebuah kementerian yang ditahan semalam (kelmarin) bagi memonopoli projek di bawah kementerian terbabit sejak 2018.

"Difahamkan sehingga kini

mereka berjaya membolot kira-kira 16 projek di kementerian itu serta sudah membabitkan 11 kali pembayaran rasuah," katanya semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, media melaporkan SPRM menahan seorang penolong setiausaha bahagian kementerian kerana disyaki menerima rasuah dalam pelbagai bentuk yang dianggarkan bernilai RM1 juta.

Penolong setiausaha bahagian berusia 46 tahun itu dilaporkan menerima suapan wang tunai berjumlah kira-kira RM300,000, barang kemas, tanah lot berkeluasan 0.8 hektar rumah kedai dua tingkat dan sebuah motosikal.

Kesemua habuan itu dipercayai diterima sebagai balasan membantu 11 syarikat mendapatkan projek bekalan am, perkhidmatan dan pengangkutan di kementerian terbabit.



SPRM menahan seorang pengurus syarikat kerana disyaki terbabit rasuah dapatkan kontrak RM60 juta.
(Foto Ihsan SPRM)

Berita Harian | 30 June
2021 | Page 17

Tiga pegawai imigresen mengaku salah terima rasuah

Shah Alam: Tiga pegawai imigresen bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) didenda oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah menerima rasuah bagi melepaskan warga asing tanpa melalui prosedur yang betul.

Mereka membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rozilah Salleh yang kemudian menjatuhkan hukuman denda RM28,000 ke atas Mohammad Zulkiah Ibrahim, 29; Danny Supil, 42, (RM2,500) dan Mohd Syahmi Sapawi, 22 (RM9,000).

Ketiga-tiga lelaki berkenaan juga berdepan hukuman penjara antara satu bulan hingga lima bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Ketika menjatuhkan hukuman, Rozilah menzahirkan kebimbangannya apabila pegawai muda diletakkan di kawasan 'panas' yang memerlukan integriti tinggi, seterusnya menyebabkan mereka terdedah kepada budaya seperti rasuah.

"Walau apapun situasi, kamu mempunyai akal dan harus melaporkan kegiatan rasuah itu kepada SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) kerana amanah yang dipegang kamu dalam menjaga pintu masuk negara," katanya.

Mohammad Zulkiah didakwa atas menerima suapan RM7,000, manakala Mohd Syahmi pula dituduh dengan tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM8,000 dan Danny didakwa menerima wang tunai RM200.

Pada prosiding itu, Mohd Syahmi bagaimanapun dilepas dan dibebaskan daripada dua lagi pertuduhan.

Ketiga-tiga pegawai itu yang berjawatan Gred KP 19 dan KP 22 didakwa menerima wang berkenaan daripada dua lelaki berbeza bagi membantu melepaskan warga asing, termasuk dari China tanpa melalui proses dan prosedur yang betul antara 2018 hingga 2020.

Mereka yang bertugas di Jabatan Imigresen KLIA didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah bank dan Pejabat Imigresen KLIA2 pada 2018 hingga 2020, dituduh mengikut Seksyen 25 (1) Akta SPRM 2009 dan dihukum mengikut Seksyen 25 (2) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhlil Ab Wahab, manakala tertuduh kecuali Mohd Syahmi diwakili peguam, Abdul Halem Mohamad Husin dan Mohamad Fauzi Mat Zin.